

## SIARAN AKHBAR



### **KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (KPDRM) MELANCARKAN PROGRAM 'MENAMBAH KEANGGOTAAN' PERINGKAT NEGERI SELANGOR DI IPK SELANGOR, SEKSYEN 9, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN PADA JAM 9 PAGI 21 MAC 2017.**

---

**21 Mac 2017-** Berlangsung di Dewan Utama IPK Selangor, seksyen 9, Shah Alam, Koperasi PDRM (KPDRM) telah melancarkan program 'Menambah anggota koperasi PDRM' peringkat negeri Selangor DarulEhsan. Program ini bertujuan mensasarkan penyertaan sehingga 100,000 orang anggota pada 2017 yang terdiri dari semua warga PDRM di seluruh Malaysia. Pada masa ini, 88,351 orang warga PDRM telah menyertai Koperasi Polis.

Program ini juga memberi peluang kepada semua anggota dan masyarakat untuk mendapat penerangan dan maklumat yang jelas tentang halatuju, kebaikan dan perkhidmatan yang kini ditawarkan oleh Koperasi Polis.

Timbalan Ketua Polis Selangor, YDH Deputy Komisioner Polis Dato' Haji Mohd Fuad bin Abd Latiff, yang juga merangkap Bendahari Koperasi PDRM telah hadir merasmikan Majlis Pelancaran ini. Turut hadir Pengerusi KPDRM, YBhg. Tan Sri Hussin bin Haji Ismail, Timbalan Pengerusi KPDRM YDH CP Dato' Sri Zulkifli bin Abdullah, Setiausaha KPD iaitu YBhg. Dato' Zulkapli bin Ahmad, Ketua Pegawai Operasi Koperasi PDRM iaitu Hairul Nizam bin Hussin, Ketua-ketua Jabatan Polis IPK Selangor, Ketua-ketua Polis Daerah seluruh Selangor, Tetamu-tetamu khas, ALK KPDRM/Anak-anak syarikat KPDRM/Syarikat kerjasama dan Pengurusan Kanan pihak penanggung insurans.

1. Dalam Majlis yang sama, Koperasi PDRM juga telah menyerahkan cek Pampasan Insurans kepada balu/waris anggota yang meninggal dunia.

Selain itu, semua anggota PDRM sama ada yang telah dan belum menyertai Koperasi Polis akan mendapat penerangan lengkap tentang pelbagai manfaat dan kemudahan yang bakal diperolehi. Antaranya :-

- i- Fi masuk minima hanya RM10.00 (yang akan diselaraskan dengan yuran bulan pertama),
- ii- Yuran bulanan minima RM30.00 dan minima seunit insuran kelompok RM11.00,
- iii- Pakej perlindungan insuran yang paling berbaloi iaitu hanya RM11.00 seunit bagi insuran kemalangan/kematian berkelompok, dan pelan insuran perubatan serendah RM92.22 bagi diri sendiri,
- iv- Sebagai anggota Koperasi, anggota layak membuat pinjaman peribadi tanpa penjamin sehingga RM150,000 (dengan tempoh maksima selama 10 tahun atau 120 bulan dengan kadar

pembiayaan 5.5% setahun tertakluk potongan gaji tidak melebihi 60% daripada emolumen)-kelulusan/bayaran dalam tempoh 48 jam waktu bekerja dan terus ke dalam akaun anggota.

- v-** Anggota juga layak membuat pinjaman pembelian barangan konsumer sehingga RM50,000 dengan bayaran balik maksima 120 bulan pada kadar 5.5% setahun.
- vi-** Layak menerima Bantuan Pelajaran Rendah/Tinggi bagi diri anggota dan anak-anak yang cemerlang dalam pelajaran.
- vii-** Layak menerima bantuan khairat RM1,000 serta merta kepada waris.
- viii-** Anggota juga boleh membuat pinjaman melanjutkan pelajaran ke Kolej milik Koperasi iaitu Kolej UNIKOP,
- ix-** Potongan harga bagi pembelian rumah di Taman Perpaduan Koperasi di Tambun, Ipoh,
- x-** Potongan harga bagi penginapan di hotel-hotel milik Koperasi iaitu KL International Hotel dan City Park, Kuala Lumpur dan Melaka,
- xi-** Simpanan yuran akan dibayar dividen dan bonus yang diistiharkan setiap tahun berdasarkan keuntungan Koperasi.
- xii-** Dan pelbagai kemudahan lagi yang ditawarkan melalui syarikat-syarikat kerjasama Koperasi Polis.

Program ini telah dilancarkan secara rasmi oleh YDH IGP Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada 30 November 2016 dan telah dijalankan di Langkawi, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor. Ianya dirancang akan diperluaskan ke seluruh negara bagi menarik penyertaan dan memberi peluang kepada semua warga PDRM dan masyarakat setempat agar lebih dekat dan memahami kebaikan menyertai KPD.

- Oleh :-

*Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad  
Cawangan Pentadbiran Umum  
Tingkat 10, Bangunan Koperasi Polis  
No.1, Jalan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur*

*Tel : 03-22608999/22608888*

*Fax :03-22749782*

*Email : [info@kpd.com.my](mailto:info@kpd.com.my)*

*Web : [www.kpd.com.my](http://www.kpd.com.my)*

21 Mac 2017